

ARKIB : 29/03/2010

Sedia adakan bancian kekayaan

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA

mohdasron.mustapha@utusan.com.my

BENTONG 28 Mac - Kerajaan sedia mengadakan bancian komprehensif mengenai kekayaan semua kaum di negara ini dan seterusnya mematahkan dakwaan kononnya orang Melayu membolot segala-galanya.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan sedia menimbang cadangan itu yang dilontarkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad jika ia sesuai dilaksanakan.

"Saya menghargai pandangan beliau, ertinya kerajaan memandang berat cadangan tersebut dan sebenarnya data-data memang ada kerana kita membuat penilaian.

"Dalam bidang ekonomi umpamanya, peratusan (kekayaan) kaum diperoleh setiap tahun, tetapi dalam kes ini mungkin kita perlu sentiasa perbaharui data-data yang ada," katanya.

Muhyiddin berkata demikian pada sidang akhbar selepas menutup Konvensyen Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kebangsaan di Institut Aminuddin Baki di Genting Highlands di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Alimuddin Mohd. Dom.

Semalam, Dr. Mahathir pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) mencadangkan supaya satu kajian komprehensif dilakukan bagi menafikan dakwaan pelbagai tuduhan kononnya orang Melayu membolot segala-galanya.



Muhyiddin Yassin disambut oleh para perwakilan untuk merasmikan Konvensyen Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kebangsaan 2010 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang, semalam. -

BERNAMA

Dr. Mahathir berkata, banciaan berkenaan amat diperlukan kerana sudah terlalu banyak tuduhan tanpa fakta dilakukan iaitu hanya bersandarkan tanggapan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, tuduhan kononnya orang Melayu membolot segala-galanya adalah tidak benar.

Jelasnya, data yang ada menunjukkan orang Melayu dan kaum bumiputera masih jauh ketinggalan berbanding kaum lain terutama dalam penguasaan ekonomi.

"Dasar Ekonomi Baru (DEB) menyasarkan sekurang-kurangnya orang Melayu menguasai 30 peratus ekonomi, tetapi sampai hari ini sasaran tersebut gagal dicapai.

"Sedangkan penguasaan ekonomi bukan Melayu khususnya kaum Cina meningkat begitu ketara," jelasnya.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0329&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm#ixzz2vEI0bwsB

© Utusan Melayu (M) Bhd